

27 NOV 1998

Mahathir-Rusuhan

NEGARA TIDAK MEMERLUKAN RUSUHAN, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 27 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat Malaysia harus bersyukur kerana kegawatan ekonomi yang dihadapi negara sekarang tidak membawa kepada rusuhan antara kaum dan penganut agama berlainan seperti yang melanda sesetengah negara.

Perdana Menteri berkata keamanan yang dirasakan kini perlu dikekalkan untuk menjamin masa depan negara.

"Yang malangnya, ada pihak yang cuba mencetuskan rusuhan di negara kita kerana terpengaruh dengan keadaan di negara jiran," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) bersama Perdana Menteri di Kompleks Sukan Likas dekat sini.

Beliau berkata sebagai sebuah negara yang aman, Malaysia tidak memerlukan tunjuk perasaan dan rusuhan.

"Negara kita ini demokratik...jika ada keinginan untuk membuat pembaharuan, untuk menukar pemimpin, sila turun gelanggang apabila kita ada pilihan raya," katanya.

Dr Mahathir tiba di Kota Kinabalu pagi tadi untuk lawatan kerja dua hari ke Sabah.

"Kalau kamu betul disokong oleh rakyat, pada ketika itu kamu mungkin menang," katanya sambil menambah BN termasuk barisan Pergerakan Pemuda akan bergerak bagi memastikan ini tidak menjadi kenyataan.

Dr Mahathir menyifatkan mereka yang mencetuskan huru-hara dan mengadakan demonstrasi sebagai golongan yang tidak yakin mereka boleh mendapat kemenangan dalam pilihan raya.

Para penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan perhimpunan haram terutamanya di sekitar ibu negara bertujuan menjatuhkan pemimpin negara dengan melaung-laungkan slogan reformasi.

Perdana menteri berkata: "Kita tidak perlu lilit kain di kepala, menjerit-jerit, membakar motosikal dan menggunakan molotov koktel... yang diperlukan kita dalam BN ialah otak dan pemikiran yang waras untuk menilai siapa yang sepatutnya memimpin kerajaan."

Menurutnya lagi, barisan pemimpin Malaysia sekarang bertanggungjawab membangunkan negara supaya ia dapat diserahkan kepada generasi muda.

"Ini tugas orang dewasa, tidak ada jurang generasi antara yang dewasa dan muda dalam BN kerana ia adalah satu saluran yang bersambung," katanya.

Beliau juga menegur mereka yang baru memasuki perjuangan BN tetapi sudah berhasrat menjadi pemimpin.

Dr Mahathir berkata beliau sendiri dan kebanyakan pemimpin BN mengambil masa yang panjang untuk berada pada kedudukan sekarang.

"Bagi saya, 18 tahun dalam Umno sebelum dipilih menjadi calon pada pilihan raya, selepas 28 tahun baru menjadi menteri, lepas 34 tahun baru menjadi Timbalan Perdana Menteri...dan selepas 36 tahun baru menjadi Perdana Menteri," katanya.

Menurutnya ada sesetengahnya yang tidak sabar untuk menjadi pemimpin dan mahu menjatuhkan pemimpin di atas walaupun di atas telah menyatakan akan menyerahkan kepimpinan itu kepadanya tidak lama lagi.

"Untuk nak jadi pemimpin, orang yang semacam ini sanggup berbuat apa saja...mereka berkomplot, merancang, mencari kawan dalam dan luar negara untuk membantu mereka mengambilalih pemerintahan negara kita.

Dr Mahathir berkata kawan-kawan dari luar negara itu begitu kecewa apabila boneka yang diharapkan menjadi pemimpin tidak berjaya menerajui negara kerana kelakuan yang tidak baik.

"Negara kita adalah sebuah negara merdeka dan berdaulat yang mempunyai maruah. Walaupun kita tidak bijak, tidak dapat berbuat sesuatu, tetapi kita akan menentukan nasib negara kita.

"Malaysia ialah negara kita, pembangunan negara kita ialah tanggungjawab kita. Sama ada kita berjaya atau tidak, itu adalah soal kita dan orang lain tidak boleh campur tangan sama sekali," katanya.

-- BERNAMA

MAM AKD